

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

9 March 2016

Elak naik harga sesuka hati

Um - 9/3/2016

Oleh HUSSAINI AMRAN
hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan tidak akan membiarkan para peniaga berseindung di sebalik kuasa pasaran untuk mengeksploitasi pengguna.

Perdana Menteri memberitahu, langkah-langkah intervensi perlu dilaksanakan supaya sektor swasta mematuhi peraturan yang ditetapkan kerajaan.

Menurut beliau, rakyat sebagai pengguna mahu melihat kerajaan mengambil tindakan yang positif dan berkesan dalam aspek pengurusan ekonomi yang melibatkan kesejahteraan rakyat.

"Kita tidak lepas tangan dan membenarkan falsafah 'laissez-faire' iaitu apa yang hendak dibuat oleh pasaran, mereka boleh buat ikut sesuka hati."

"Kita tidak boleh membenarkan keadaan ini wujud dan walaupun kita faham, kerajaan tidak boleh serta tidak sepatutnya melakukan segala-galanya, kita mesti mengambil langkah intervensi secara positif," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Anugerah Kedai Harga Patut 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Alias Ahmad.

Dalam majlis sama, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Kedai Harga Patut kepada 10 premis perniagaan dari seluruh negara.

Najib juga mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK) mempertingkatkan operasi penguatkuasaan terhadap semua rantaian pengedaran barangan bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Kita tidak lepas tangan dan membenarkan falsafah 'laissez-faire' iaitu apa yang hendak dibuat oleh pasaran, mereka boleh buat ikut sesuka hati."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Beliau menegaskan, tindakan tegas termasuk denda dan hukuman penjara boleh dikenakan ke atas para peniaga yang ingkar dan mengambil kesempatan terhadap pengguna.


"Kalau kita tidak ambil tindakan, kerajaan yang dipersalahkan, seolah-olah apabila barang naik (harga), kerajaan yang bersalah," jelasnya.

Sementara itu, Perdana Menteri mengumumkan, KP-DNKK berjaya melepasi sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) untuk mempertingkatkan jumlah kedai harga patut sehingga 1,000 premis seperti yang ditetapkan beliau dalam pembentangan pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari lalu.

"Pada masa ini, sebanyak 1,238 premis perniagaan diiktiraf sebagai kedai harga patut dan saya sarankan supaya logo baharu disediakan serta diletakkan di luar kedai.

"Langkah ini membolehkan pengguna faham jika mereka masuk ke dalam kedai tersebut, mereka boleh memilih barang yang berkualiti dengan harga berpatutan," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan juga menggalakkan program penurunan harga antara 10 hingga 70 peratus yang disertai 2,543 pasar raya besar dan pasar mini sepanjang tahun lalu diperluaskan lagi pelaksanaannya.



NAJIB TUN RAZAK meninjau harga barangan koperkuhan harian sambil diiringi Hamzah Zainudin (kiri) selepas melancarkan kempen penurunan harga dan Anugerah Kedai Harga Patut di pasar raya Sogo, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR